

Pinjaman/Pembiayaan Peribadi-i: Kempen Terima Kasih

Tempoh Kempen

Kempen Terima Kasih Hong Leong Bank Berhad (HLB) dan Hong Leong Islamic Bank Berhad (HLISB) (secara kolektifnya akan dirujuk sebagai “Bank”) bermula pada 7 Julai 2018 dan tamat pada 31 Oktober 2018, termasuk kedua-dua tarikh tersebut (“Tempoh Kempen”), kecuali dimaklumkan sebaliknya.

Terma & Syarat (“T & S”)

Berikut adalah terma dan syarat yang dikuatkuasakan di atas Kempen:-

Kelayakan

1. Kempen ini terbuka kepada semua Pelanggan individu Malaysia (“Pelanggan”) yang:-
 - (a) Berumur di kalangan umur 21 sehingga 60 tahun;
 - (b) Bekerja bergaji atau bekerja sendiri dengan pendapatan tahunan minima sebanyak Ringgit Malaysia Dua Puluh Empat Ribu (RM24,000.00);
 - (c) tidak mempunyai sebarang baki tunggakan sedia ada atas mana-mana Pinjaman Peribadi dan/atau Pembiayaan Peribadi-i HLISB (Produk Pinjaman Peribadi/Pembiayaan Peribadi-i)
 - (d) memohon untuk salah satu daripada yang berikut semasa Tempoh Kempen untuk tempoh pinjaman/pembiayaan iaitu dua hingga lima (2-5) tahun (“Tempoh Kemudahan”):

	Tarikh Permohonan	Amaun Kemudahan Diluluskan (RM)	
		Amaun Minima	Amaun Maxima
Pinjaman Peribadi HLB	14 Julai – 31 Oktober 2018	20,000	250,000
Pembiayaan Peribadi-i HLISB	14 Julai – 31 Oktober 2018	20,000	150,000
Pinjaman Peribadi Penggabungan Baki HLB	7 Julai – 31 Oktober 2018	5,000	250,000
Pembiayaan Peribadi-i Penggabungan Baki HLISB	7 Julai – 31 Oktober 2018	5,000	150,000

- (e) kedua-dua Pinjaman Peribadi HLB dan Pembiayaan Peribadi-i HLISB secara kolektifnya dikenali sebagai “Kemudahan PL”, dan kedua-dua Pinjaman Peribadi Penggabungan Baki dan Pembiayaan Peribadi-i Penggabungan Baki dikenali sebagai “Kemudahan PLC” (Kedua-dua Kemudahan PL dan Kemudahan PLC secara keseluruhannya dikenali sebagai “Kemudahan”)
- (f) permohonan untuk Kemudahan dibuat dan dihantar melalui mana-mana saluran permohonan (iaitu cawangan bank, jualan terus, jualan telefon, Connect Atas Talian/Aplikasi, AM:PM atau melalui laman sesawang rasmi Bank)

Untuk tujuan kejelasan, Pelanggan hanya boleh membuat permohonan melalui Connect Atas Talian/Aplikasi jika tidak memegang sebarang Kemudahan sedia ada.

- (g) penyaluran Kemudahan yang diluluskan dibuat oleh Bank pada/sebelum 30 November 2018.

2. Untuk tujuan kempen ini, Pelanggan yang memenuhi semua kriteria di Klausa 1 di atas akan ditakrifkan sebagai “Pelanggan Layak”.
3. Pelanggan yang berikut TIDAK layak menyertai Kempen ini:
 - (a) Pelanggan yang telah disyaki melakukan sebarang penipuan, perbuatan atau kesalahan di sisi undang-undang yang berkaitan dengan mana-mana kemudahan yang diberikan oleh Bank atau Pelanggan yang telah diisytiharkan muflis atau tertakluk kepada sebarang prosiding kemuflian pada bila-bila masa sebelum atau semasa Tempoh Kempen.
 - (b) Pelanggan yang dikenalpasti Bank sebagai mempunyai potensi untuk melakukan sebarang kesalahan yang termaktub di dalam Terma dan Syarat.
 - (c) Kakitangan tetap dan mempunyai kontrak dengan Bank.

Mekanik Kempen

Kadar Faedah/Keuntungan Tetap untuk Pinjaman Peribadi/Pembiayaan-i (“Kemudahan PL”)

4. Pelanggan Layak yang membuat permohonan untuk Kemudahan PL dan diluluskan semasa Tempoh Kempen dan penyaluran dibuat selewatnya pada 30 November 2018 akan dikenakan kadar faedah/keuntungan tetap seperti yang diilustrasikan jadual di bawah, tanpa mengambil kira Tempoh Kemudahan PL dan Amaun Kemudahan Diluluskan:

Jadual 1: Kadar Faedah/Keuntungan Dikenakan

Amaun Kemudahan PL Diluluskan*	Kadar Faedah/Keuntungan (Tetap % setahun)	Tempoh Kemudahan PL
RM20,000-RM250,000	8.00%	2-5 tahun

Jadual 2: Ilustrasi pembayaran bulanan untuk Kemudahan PL Diluluskan sebanyak RM20,000 sepanjang tempoh 5 tahun.

Amaun Kemudahan PL Diluluskan (RM)*	Tempoh Kemudahan (tahun)	Kadar Faedah/Keuntungan (setahun) untuk Amaun Kemudahan PL Diluluskan (RM)	Jumlah Faedah/Keuntungan yang Perlu Dibayar sepanjang Tempoh Kemudahan PL (RM)	Pembayaran Bulanan (RM)**
(a)	(b)	(c)	(d)= a x b x c	(e)=(a+d)/(b x 12)
20,000	5	8.00%	8,000	470

Nota: Kadar faedah/keuntungan efektif (EIR) berbeza-beza dari 14.13% sehingga 14.68% setahun untuk tempoh 2-5 tahun.

*0.5% dari Amaun Kemudahan PL akan ditolak dari Kemudahan PL untuk cukai setem yang perlu dibayar di atas Kemudahan PL.

**Pembayaran akan dibundarkan atas ke RM5 terdekat.

5. Untuk mengelakkan dari kecurigaan, kadar faedah/keuntungan tetap **TIDAK** terpakai kepada Kemudahan PLC. Untuk Kemudahan PLC, kadar lembaga ialah kadar efektif setahun 2% kadar faedah efektif (EIR) penjaminan dengan kadar minima dari serendah 7.5% setahun.


Hadiah Atas Penyaluran untuk Kemudahan PL

6. 150 orang Pelanggan Layak yang pertama setiap bulan dari Ogos 2018 hingga Oktober 2018 yang memenuhi kriteria di bawah akan mempunyai peluang untuk memenangi sebuah perakam video kereta digital (“Hadiah”). Kriteria adalah seperti berikut:-
 - a. Membuat permohonan untuk Kemudahan PL dari 1 Ogos 2018 hingga 31 Oktober 2018 melalui saluran Hong Leong Connect;
 - b. Kemudahan berjaya disalurkan pada/sebelum 30 November 2018.
7. Hadiah terdiri daripada satu (1) unit perakam video digital kereta. Hadiah terhad kepada 450 buah sepanjang Tempoh Kempen di atas dasar siapa cepat, dia dapat. Setiap seorang Pelanggan Layak yang memenuhi kriteria di Klausa 6 hanya layak memenangi satu (1) Hadiah sepanjang Tempoh Kempen, tanpa mengira bilangan permohonan untuk Kemudahan yang telah dibuat. Untuk mengelakkan dari kecurigaan, Hadiah hanya terpakai untuk permohonan Kemudahan PL kerana permohonan untuk Kemudahan PLC tidak boleh dibuat melalui saluran Hong Leong Connect. Pelanggan Layak yang berhak menerima Hadiah (“Pemenang”) akan dimaklumkan oleh Bank melalui Laman Sesawang Bank di www.hlb.com.my or www.hlisb.com.my dengan memaparkan senarai Pemenang selewat-lewatnya 30 Disember 2018. Ia merupakan tanggungjawab Pelanggan Layak untuk melayari Laman Sesawang Bank pada selang masa kerap untuk menyemak nama Pemenang.
8. Hadiah akan dihantar oleh GD Express Sdn Bhd (“GDEX”), (pembekal perkhidmatan servis kurier yang dilantik oleh Bank) kepada alamat Pemenang berdasarkan maklumat terkini yang terdapat di rekod Bank, dalam masa 60 hari dari tarikh penyaluran Kemudahan PL Pemenang (“Tarikh Penghantaran”). Oleh sebab itu, ia adalah pada asanya kewajipan Pemenang membekalkan nombor telefon dan alamat surat-menyurat yang terkini, sah dan tepat kepada Bank dan Bank tidak akan bertanggungjawab jika Pemenang tidak menerima Hadiah untuk apa jua sebab sekalipun.
9. Jika Pemenang tidak menerima Hadiah, Pemenang harus maklumkan Bank dalam masa 90 hari dari 30 Disember 2018 secara tulisan. Jika gagal berbuat demikian, Pemenang akan dianggap sebagai telah menerima hadiah, atau Hadiah telah ditebus sepenuhnya dan Bank akan membatalkan Hadiah dan sebarang rayuan dari Pelanggan Layak untuk membayar balik Hadiah tidak akan dilayan Bank. Bank tidak bertanggungjawab sekalipun jika Pemenang tidak menerima Hadiah dan tidak akan menggantikan / membayar balik Hadiah lain kepada Pemenang.
10. Bank tidak mewakili atau menawarkan waranti atas kualiti atau kesesuaian Hadiah kepada Pemenang dan tidak akan bertanggungjawab untuk menggantikan sebarang kehilangan, kecurian atau kecacatan Hadiah (tidak mengira jika disebabkan kecacatan bahan atau mutu kerja oleh pengilang di bawah waranti atau sebaliknya). Pemenang harus, atas kos dan perbelanjaan sendiri, berhubung terus

dengan NL Apex Marketing Sdn Bhd (1231949-K) (“Pembekal Hadiah”) untuk sebarang aduan, pertikaian atau tuntutan berkaitan dengan Hadiah tanpa melibatkan Bank.

Rebat Bayar-Tepat-Masa Untuk Kemudahan PL dan Kemudahan PLC (“Rebat”)

11. Pelanggan Layak dimana Kemudahan diluluskan dan disalurkan oleh Bank pada/sebelum 30 November 2018 dan membuat bayaran bulanan untuk Kemudahan pada/sebelum tarikh matang setiap bulan semasa Tempoh Kemudahan (“Pelanggan Memenuhi Syarat”) akan layak menerima Rebat Bayar-Tepat-Masa sebanyak 25% di atas kadar faedah/keuntungan yang perlu dibayar (“Rebat”).
12. Rebat akan dibayar setiap bulan kepada Pelanggan Memenuhi Syarat bermula dari satu (1) hari selepas tarikh matang bayaran bulanan bulan ketujuh (7) dan bulan berikutnya sehingga bulan keenam (6) sebelum bayaran terakhir untuk Kemudahan (“Tempoh Rebat”). Oleh itu, Tempoh Rebat akan sentiasa 12 bulan kurang daripada Tempoh Kemudahan. Sebagai contoh, untuk Kemudahan 60 bulan, Tempoh Rebat efektif ialah 48 bulan. Sila rujuk contoh gambaran di bawah untuk Amaun Kemudahan RM20,000 yang diambil sepanjang tempoh 5 tahun:



Nota: Tempoh Rebat diwakili oleh kawasan yang berwarna biru.

13. Pengiraan bayaran bulanan selepas Rebat sepanjang Tempoh Rebat adalah seperti diilustrasikan berikut:

Jadual 3: Ilustrasi Kemudahan PL RM20,000 selama Tempoh Kemudahan 5 tahun yang telah diluluskan (bersambung dari Jadual 2 di atas)

25% Rebat di atas Jumlah Faedah/Keuntungan yang perlu dibayar sepanjang Tempoh Kemudahan PL (RM)	Rebat Bulanan yang akan diterima sepanjang Tempoh Rebat	Bayaran Bulanan selepas Rebat semasa Tempoh Rebat (dibundarkan kepada RM5 terdekat)
(a)	(b) = (a)/Tempoh Rebat	(c) = Bayaran Bulanan – (b)
RM8,000* x 25% = RM2,000	RM2,000/48 bulan = RM41	RM470** – RM41 = RM430

*Jumlah faedah/keuntungan yang perlu dibayar sepanjang Tempoh Kemudahan adalah seperti yang diilustrasikan di Jadual 2

**Bayaran Bulanan adalah seperti diilustrasikan di Jadual 2

14. Pelanggan Memenuhi Syarat yang layak menerima Rebat akan dimaklumkan oleh Bank pada bulan keenam (6) Tempoh Kemudahan, berdasarkan alamat terkini yang disediakan oleh Pelanggan Memenuhi Syarat seperti yang terdapat di dalam rekod Bank.

15. Ia merupakan tanggungjawab Pelanggan Memenuhi Syarat untuk memaklumkan Bank secara tulisan selewat-lewatnya satu (1) bulan dari tarikh matang bayaran bulanan bulan ketujuh (7) dan/atau bulan-bulan berikutnya jika tidak menerima Rebat bulanan. Sekiranya gagal berbuat demikian, Pelanggan Memenuhi Syarat akan dianggap sebagai telah menerima Rebat dari Bank dan sebarang pertikaian tidak akan dilayan oleh Bank.
16. Kelayakan Pelanggan Memenuhi Syarat untuk menerima Rebat akan dibatalkan dan bayaran Rebat berikutnya akan dihentikan segera sekiranya salah satu daripada situasi yang berikut berlaku:
- Pelanggan Memenuhi Syarat gagal membayar sebarang bayaran bulanan untuk Kemudahan sebelum/pada tarikh matang atau mana-mana jumlah lain yang dihutang di bawah dan berkait dengan Kemudahan apabila diminta oleh Bank;
 - notis penyelesaian awal diberi oleh Pelanggan Memenuhi Syarat sebelum kematangan Tempoh Kemudahan; atau
 - Pelanggan Memenuhi Syarat telah melakukan atau disyaki melakukan sebarang penipuan atau kesalahan yang berkaitan dengan penggunaan Kemudahan PL dan/atau Kemudahan PLC.
17. Untuk mengelakkan dari kecurigaan, kadar, Rebat dan Hadiah yang tertakluk di atas tidak terpakai untuk Amaun Kemudahan PL RM5,000 – RM19,000. Sila rujuk kepada jadual di bawah untuk kadar dan rebat yang terpakai untuk Amaun Kemudahan PL RM5,000 – RM19,000:

Amaun Kemudahan PL	Kadar Faedah/Keuntungan yang Dikenakan (Tetap % setahun)	Rebat atas Jumlah Faedah/Keuntungan Sepanjang Tempoh Kemudahan PL (Amaun Kemudahan PL RM5,000 – RM19,000)	Hadiah (Amaun Kemudahan PL RM5,000 – RM19,000)	Tempoh Kemudahan PL
RM5,000 – RM19,000	12.50%	20%	Tiada	2-5 tahun

Nota: Kadar faedah/keuntungan efektif berkisar dari 21.05% setahun sehingga 22.42% setahun untuk tempoh pinjaman/pembiayaan peribadi-i 2 – 5 tahun.

Umum

18. Dengan menyertai kempen in, Pelanggan dengan ini:
- bersetuju bahawa telah membaca, memahami dan bersetuju untuk diikat oleh T&S yang tertakluk dan Terma dan Syarat Pinjaman Perbadi Hong Leong dan Terma dan Syarat Pembiayaan Peribadi-i Hong Leong;

- ii. bersetuju untuk melawat Laman Sesawang Bank di www.hlb.com.my atau www.hlisb.com.my pada selang masa yang kerap untuk membaca T&S dan untuk mengikut sebarang perubahan atau perbezaan kepada T&S;
- iii. bersetuju membekalkan semua dokumen berkaitan yang mungkin diminta oleh Bank tepat pada masanya supaya Kemudahan dapat diluluskan dan disalurkan sebelum/pada 30 November 2018 dan Bank tidak akan bertanggungjawab jika Kemudahan tidak dapat disalurkan sebelum/pada 30 November 2018 untuk sebarang sebab sekalipun;
- iv. bersetuju bahawa keputusan Bank dalam semua perkara berkaitan Kempen (termasuk tetapi tidak terhad kepada kelulusan Kemudahan) adalah muktamad, akhir dan mengikat dan sebarang surat-menyurat selanjutnya dan/atau rayuan untuk mempertikai keputusan tersebut tidak akan dilayan
- v. bersetuju akan memikul tanggungjawab dan secara peribadi akan menanggung semua cukai yang dikenakan, caj kerajaan atau sebarang caj lain yang boleh dikenakan berdasarkan undang-undang yang berkenaan, jika ada, berkait dengan penyertaan mereka dalam Kempen;
- vi. memberi persetujuan kepada dan memberi kuasa kepada Bank untuk mendedahkan atau memaparkan nama dan nombor IC (dalam bentuk bertopeng) atau gambar di Laman Sesawang Bank, media, bahan pemasaran atau bahan pengiklanan untuk tujuan Kempen; dan
- vii. bersetuju bahawa Bank tidak bertanggungjawab di sebarang keadaan dimana terdapat kehilangan, kecacatan, kekoyakan, kerosakan, keluputan atau kecurian Hadiah. Sebarang permintaan untuk menggantikan kehilangan, kecacatan, kekoyakan, kerosakan, keluputan atau kecurian Hadiah tidak akan dilayan Bank.

19. Bank berhak untuk:

- i. menolak mana-mana permohonan Kemudahan yang diserahkan mengikut budi bicara mutlaknyanya tanpa memberikan sebarang sebab;
- ii. membatalkan kelayakan mana-mana Pelanggan daripada menyertai Kempen ini mengikut budi-bicara mutlaknyanya;
- iii. menambah, memadam, menggantung atau meminda T&S yang terdapat di sini, sama ada sepenuhnya atau sebahagiannya, atau untuk menamatkan Kempen ini atas budi bicara mutlaknyanya, dengan memberi notis awal kepada Pelanggan menggunakan cara memaparkannya di Laman Sesawang Bank, atau menggunakan sebarang kaedah lain yang dianggap sesuai oleh Bank.
- iv. menggantikan Hadiah dengan Hadiah alternatif yang bersamaan harga atas budi bicara mutlaknyanya dengan memberikan notis awal.

20. T&S yang terkandung di sini dan Terma dan Syarat Pinjaman/Pembiayaan Peribadi-i Bank hendaklah dibaca sebagai perjanjian menyeluruh. Sekiranya terdapat percanggahan di antara T&S Kempen ini dengan Terma dan Syarat Pinjaman/Pembiayaan Peribadi-i Bank, T&S spesifik di sini akan diguna pakai setakat percanggahan tersebut.



21. Sekiranya terdapat percanggahan di antara T&S di sini berbanding sebarang bahan pengiklanan, promosi, publisiti dan sebarang bahan lain yang berkaitan dengan atau mengenai Kempen ini, T&S muktamad di Laman Sesawang Bank akan diguna pakai.

22. T&S yang terkandung di sini dikawalselia oleh dan ditafsirkan berdasarkan undang-undang Malaysia dan Pelanggan bersetuju untuk berserah kepada bidang kuasa eksklusif Mahkamah Malaysia.

23. Perkataan yang menggambarkan satu jantina termasuklah semua jantina dan kata-kata lain yang menandakan singular termasuk jamak dan sebaliknya.